

Ucapan Y.B.M

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-Majlis Meresmikan Pameran Radas Sains dan Hisab Sekolah2 Kebangsaan Daerah Kluang, Johor di-Sekolah Kebangsaan Perempuan, Kluang pada 2.3.72, jam 10.00 pagi

Saya berasa sukachita dapat bersama2 para hadirin sakalian, khas-nya murid2 dan guru2, untuk merasmikan Pameran Radas Sains dan Hisab Sekolah2 Kebangsaan Daerah Kluang ini.

Kesanggupan murid2 dan guru2 mengadakan pameran yang mariah ini, khusus-nya di-bidang sains dan hisab, sangat menggalakkan, dan patut saya memberi pujian kepada semua pihak yang menjayakan-nya. Zaman ini ia-lah zaman sains dan teknologi, maka kena pada tempat-nya pameran ini di-atorkan.

Semenjak tahun 1967, Kementerian Pelajaran telah berusaha untuk memperbaiki dan membaharui pelajaran sains di-sekolah2 di-negeri ini. Sukatan2 baru pelajaran ini telah di-sediakan berasaskan kepada beberapa tujuan. Tujuan yang pertama ia-lah untuk memperelok pengetahuan yang dianggap perlu baik untuk mereka yang akan melanjutkan

pelajaran ka-perengkat Menengah Atas mahu pun untok mereka yang akan berhenti di-akhir tahun III pelajaran menengah rendah.

Dengan Yang kedua pula ia-lah, mengikut ajaran dan amalan Rukunegara, untok membena sikap objektib yang sesuai dalam negara yang mengamalkan demokrasi dan sedar tentang peranan sains di-zaman ini, dan tujuan yang ketiga ia-lah untok mendapatkan kemahiran peraktikal dalam sains.

Sains Paduan (Intergrated Science) telah pun di-perkenalkan di-sekolah2 menengah rendah, ia-itu dari Tingkatan I hingga ka-Tingkatan III. Untok menchapai kejayaan bagi pelajaran sains baru ini, murid2 di-kehendaki membuat perchubaan dan daripada kesimpulan perchubaan2 itu, pengetahuan akan mereka perolehi. Bolehlah saya katakan di-sini bahawa, keseluruhan pelajaran ini ada-lah di-dasarkan kapada apa yang di-katakan "guided discovery".

Pada tahun ini sebanyak 390 buah sekolah mengikuti sukatan baru ini, dan saya berchadang menambah 160 sekolah lagi pada tahun 1973 mengadakan Sains Paduan. Dengan itu nanti, maka pada tahun 1974, semua sekolah di-Malaysia Barat akan mengajar sukatan Sains Paduan di-Tingkatan I dan Tingkatan2 lain pada tahun2 berikut. Oleh hal yang demikian, saya menyeru guru2 agar menanamkan minat suka kapada pelajaran Sains dan Hisab bagi anak2 kita dari sekolah rendah lagi.

Suka saya menyatakan di-sini bahawa, untuk memastikan rancangan2 ini semua, berjalan dengan jayanya, maka kursus2 dalam perkhidmatan telah pun di-adakan untuk guru2 sebelum sa-sabuah sekolah itu di-pilih untuk mengajar sukatan2 baru ini. Di-samping itu, pembantu2 dan atendan2 makmal, telah di-beri satu latehan khas supaya mereka dapat memberi bantuan yang lebeh baik di-bilek2 makmal. Latehan2 ini kebanyakan-nya, berkisar kapada kegunaan alat perkakas kerja bagi membuat radas2 mudah yang berdasarkan kapada pelan2 yang tersedia.

Menyentuh mengenai pelajaran sains dan hisab di-sekolah2 rendah, ada-lah di-nyatakan bahawa, Projek Khas, Kementerian Pelajaran setakat ini, telah pun menyediakan kertas2 Panduan Mengajar untok guru2 dalam mata2 pelajaran sains dan ilmu hisab, hingga darjah III. Pengajaran dan pembenaan konsep ini, ada-lah di-jalankan semata2 melalui kerja2 peraktik. Pada tahun ini, suka saya mengumumkan bahawa seramai 5,150 orang guru yang melibatkan 2,572 buah sekolah, akan mengambil kursus2 dalam perkhidmatan khas-nya mengenai pengajaran chara ini.

Saya telah menyatakan langkah2 yang sedang dan akan di-ambil oleh Kementerian Pelajaran, untok memajukan lagi pelajaran sains, sama ada di-perengkat rendah mahu pun di-perengkat sekolah2 menengah. Selain daripada mendapatkan bantuan dan kerjasama Kerajaan, saya berharap guru2 agar menanamkan minat gemar mempelajari mata2-pelajaran sains dan ilmu hisab di-kalangan anak2 kita semasa mereka di-sekolah2 rendah lagi. Dengan adanya semangat yang bagini, maka chita2 negara hendak maju

lagi, ~~progresip~~ melalui sains dan teknologi moden, akan terchapai.

Suka saya mengingatkan juga bahawa, usaha ini tidak berakhir di-situ sahaja, malahan saya menyeru ibu bapa memainkan peranan2 masing2 dengan menggalakkan anak2 mereka, laki2 dan perempuan, berminat terhadap kedua2 mata-pelajaran ini. Tiap2 sa-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan sains dan teknologi, ia akan dapat berusaha sendiri, atau pun berdikari dengan meminta sedikit bantuan daripada mana2 pihak. Dengan itu, saya sekali lagi mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kaseh kepada semua pihak yang berkenaan, khas-nya Ahli2 Jawatan-kuasa Pameran ini, kerana daya usaha mereka yang tidak kenal penat lelah bagi mengatorkan Pameran yang endah ini.

Dengan itu, saya dengan segala sukachita-nya meresmikan Pameran Radas Sains dan Hisab Sekolah2 Kebangsaan Daerah Kluang ini.

lagi, program melalui sains dan teknologi moden akan tercapai.

Suka saya mengingatkan juga bahawa, usaha ini

tidak berakhir di-situ sahaja, malahan saya menyeronokkan

dapat memainkan peranan masing-masing dengan menggalakkan

anak2 mereka, lakis dan perempuan, berminat terhadap kedua2

mata-pejajaran ini. Tiap2 sa-orang yang mempunyai ilmu

pengetahuan sains dan teknologi, ia akan dapat berusaha

sendiri, atau pun berdiskusi dengan meminta sedikit bantuan

dari pada mana2 pihak. Dengan itu, saya sekali lagi

mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih

kepada semua pihak yang berkenaan, khas-nya Allah Jawatam-

kuasa Pameran ini, kerana daya usaha mereka tidak

kenal penat lelah bagi mengatorkan Pameran yang ini.

Dengan itu, saya dengan segala penghargaan

meremehkan Pameran Radas Sains dan Himpunan Sekolah2

Kebangsaan Daerah Kinang ini.



No. Siri 92
No. Penerimaan 92/80